

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [ PANDAN ]**

**TARIKH : 19 JUN 2014**

**SOALAN :**

**YB Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [ Pandan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah dana yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada 1M4U setakat ia ditubuhkan hingga kini, kos keseluruhan yang telah dibelanjakan dan akan diperuntukkan bagi operasi Radio 1M4U 107.9 FM (iaitu radio rasmi 1M4U) dan senaraikan 50 penerima terbesar Dana Sukarelawan 1Malaysia (Dre1M) dan maklumat projek yang dikendalikan 50 penerima terbesar itu.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1Malaysia For Youth (iM4U) adalah organisasi yang ditubuhkan oleh Kerajaan untuk mengerakkan aktiviti kesukarelawanan di kalangan belia di negara ini. Sejak ditubuhkan pada 2012, iM4U telah membelanjakan sebanyak RM23 juta untuk membiayai program-program kesukarelawanan oleh belia dan kos operasi iM4U.

iM4U telah menubuhkan Radio iM4U fm107.9 yang sedang menjalani siaran percubaan dan dijangkakan beroperasi sepenuhnya pada akhir tahun ini.

Buat masa ini liputan radio iM4U fm107.9 hanya terhad di Lembah Klang sahaja. Penubuhan radio iM4U ini juga merupakan satu usaha untuk menjana pendapatan kepada iM4U kerana iM4U tidak boleh selamanya bergantung pada geran Kerajaan.

Bermula tahun 2012 sehingga Mei 2014, iM4U telah meluluskan 1,400 permohonan daripada belia di negara ini untuk menjalankan program kesukarelawanan melalui dana DRe1M. Ini tidak termasuk kira-kira 1,200 aktiviti sukarelawan yang diterajui sendiri oleh iM4U.

Sumbangan kewangan kepada belia dibuat dengan teliti dn setiap permohonan dinilai dengan terperinci bagi memastikan projek tersebut memberi impak kepada masyarakat dan perbelanjaan dilakukan secara berpatutan. Hanya projek bercirikan kesukarelawanan yang membina negara (*nation building*) diluluskan dengan sebahagian besar kos bernilai RM5,000 ke bawah.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN  
DARIPADA : YB DR. TAN SENG GIAW [ KEPONG ]  
TARIKH : 19 JUN 2014  
SOALAN :**

**YB Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan kolej perubatan dalam Negara, bilangan pelajar, bilangan hospital dan bilangan doktor pakar yang diperlukan serta standard pemantauan untuk memastikan semua kolej mencapai standard dunia.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pada masa ini terdapat 33 kolej perubatan di dalam negara. Pihak Majlis Perubatan Malaysia (MPM) tiada maklumat terkini berkaitan bilangan pelajar yang sedang mengikuti pengajian. Pihak kolej diberi kuota untuk mengambil jumlah pelajar bagi setiap sesi akademik berdasarkan tenaga pengajar, bilangan kes dan katil di hospital pengajar serta kemudahan makmal, dewan kuliah dan lain-lain. Pihak kolej akan dikenakan tindakan jika mengambil pelajar melebihi kuota yang dibenarkan.

MPM menetapkan hospital utama yang dibenarkan untuk digunakan bagi tujuan mengajar hendaklah bertaraf hospital yang digunakan untuk melatih graduan perubatan menjalani latihan siswazah. Pada masa ini,

terdapat 44 buah hospital di dalam Kementerian Kesihatan Malaysia dan tiga buah hospital universiti yang digunakan bagi tujuan tersebut. Selain itu, banyak hospital yang tidak bertaraf hospital latihan siswazah dan juga klinik-klinik kesihatan turut digunapakai bagi tujuan pengajaran pelajar perubatan peringkat sarjana muda.

Tenaga pengajar/pensyarah ditetapkan dengan jelas di dalam buku garispanduan. Secara umumnya, tenaga pengajar hendaklah tidak melebihi 1 pengajar kepada 8 pelajar.